

**PENGUATKUASAAN DAN PELAKSANAAN PENGHAKIMAN
MAHKAMAH SYARIAH: KAJIAN DI BAHAGIAN
SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH MALAYSIA (SEKSYEN SARAWAK) TERHADAP
HAK WANITA DAN KANAK-KANAK**

***ENFORCEMENT AND EXECUTION OF SYARIAH COURT
JUDGMENTS: A STUDY IN THE FAMILY SUPPORT DIVISION OF THE
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA (SARAWAK
SECTION) ON THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN***

**Zulzaidi Mahmud¹
Ahmad Hidayat Buang²
Afifah Baharuddin³**

¹ Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, (Email: zulzaidi86@gmail.com)

² Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, (Email: ahidayat@um.edu.my)

³ Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, (Email: afifahbaharuddin@gmail.com)

* Corresponding author

Article history

Received date : 1-8-2021
Revised date : 2-8-2021
Accepted date : 7-9-2021
Published date : 18-9-2021

To cite this document:

Mahmod, Z., Buang, A. H., & Baharuddin, A. (2021). Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 41-50.

Abstract: Mahkamah Syariah merupakan sebuah institusi kehakiman yang bertujuan melaksanakan keadilan sebagaimana kehendak undang-undang. Penghakiman yang diputuskan oleh Hakim Syarie di Mahkamah Syariah hendaklah dipatuhi oleh pihak-pihak. Walau bagaimanapun terdapat pihak yang tidak melaksanakan penghakiman tersebut yang menyebabkan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak. Penyelidikan ini dilakukan bertujuan melihat proses penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman melalui fungsi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak). Hasil penyelidikan mendapati bahawa kewujudan Bahagian Sokongan Keluarga merupakan satu keperluan wajar bagi membantu wanita dan kanak-kanak menurut perspektif undang-undang. Penyelidikan mencadangkan pemerkasaan bahagian ini dilakukan secara holistik dengan keperluan penambahan kakitangan secara kompeten berdasarkan faktor geografi di Sarawak.

Kata Kunci: Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Hak Wanita, Hak Kanak-kanak, Penguatkuasaan Perintah.

Abstract: *The Syariah Court is a judicial institution that aims to administer justice as required by laws. The judgment decided by the Syariah Judge in the Syariah Court shall be complied with by the parties. However, there are parties who did not execute the judgments which resulted in persecution of women and children. This research was conducted to view at the process of enforcement and execution of judgments through the function of the Family Support Division of the Department of Syariah Judiciary Malaysia (Sarawak Section). The results of the research found that the existence of the Family Support Division is a necessary requirement to help women and children according to the legal perspective. Research suggests that the empowerment of this division is done holistically with the need for additional staff competently based on geographical factors in Sarawak.*

Keywords: *Family Support Division, Department of Syariah Judiciary Malaysia, Women's Rights, Children's Rights, Enforcement of judgment*

Pengenalan

Institusi kehakiman Syariah di Malaysia merupakan salah satu sistem kehakiman yang wujud selain daripada sistem kehakiman Sivil. Institusi kehakiman Syariah adalah dilaksanakan di peringkat negeri sebagaimana kepatuhan kepada Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 Butiran 1, Senarai Negeri. Tujuan utama kepada penubuhan institusi kehakiman atas nama Mahkamah Syariah, adalah untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi dan undang-undang yang berkuatkuasa. Perwujudan institusi ini bertujuan untuk memastikan keadilan ditegakkan melalui institusi yang diiktiraf dan dilaksanakan oleh pihak yang kompeten iaitu Hakim Syarie, Pendaftar Mahkamah, bailiff, polis mahkamah dan pengurusan mahkamah (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2021). Hakim Syarie berperanan melaksanakan tugas kehakiman ini dengan memutuskan penghakiman berdasarkan peruntukan undang-undang dan bidangkuasa kehakiman yang diberikan di bawah undang-undang pentadbiran. Kredibiliti seorang Hakim Syarie adalah perkara penting dalam membuat keputusan dan penghakiman serta alasan penghakiman (Zulzaidi & Ahmad Hidayat, 2016). Penghakiman yang dikeluarkan oleh Hakim Syarie hendaklah dipatuhi oleh pihak-pihak yang dinamakan dalam perintah yang dimeterai. Walau bagaimanapun terdapat segelintir pihak gagal melaksanakan penghakiman tersebut, terutama bagi kes yang melibatkan nafkah isteri dan nafkah anak. Kegagalan dan kecuaiannya melaksanakan penghakiman tersebut maka boleh diambil tindakan melalui penguatkuasaan di Mahkamah Syariah secara proses pasca penghakiman. Penyelidikan ini memfokuskan kepada peranan dan fungsi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) terhadap hak wanita dan hak kanak-kanak dalam proses pengendalian penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman di Mahkamah Syariah.

Penghakiman Menurut Perspektif Kehakiman Islam Menurut Fiqh dan Kehakiman Syariah di Malaysia

Penghakiman menurut kehakiman Islam dibincangkan oleh banyak ulama' di dalam kitab fiqh pada bab *al-Aqdiyah*. Rasulullah menitikberatkan berkenaan soal kehakiman untuk memastikan keadilan tertegak. Rasulullah s.a.w telah menghantar Muaz r.a. ke Yaman dan juga Ali r.a. ke Yaman (al-Hariri, 1999). Khulafa` al-Rashidin juga telah menyambung tugas Rasulullah s.a.w bagi memastikan keadilan tertegak melalui saluran kehakiman. Hal ini ditunjukkan bahawa khalifah Abu Bakar r.a. yang telah menghantar Anas bin Malik r.a ke Bahrain (al-Nawawi, t.t). Khalifah Umar r.a. juga telah menghantar Abu Musa al-Asy`ari r.a. ke Basrah (al-Mawardi al-Basri, 1994). Tugas kehakiman sebagaimana dinyatakan oleh Ibn

Qudamah adalah menunaikan hak kepada yang mereka berhak dan menjauhkan orang yang zalim daripada melakukan kezalimannya (Ibn Qudamah, 2004). Perkara ini juga dinyatakan oleh Ibn Farhun berkenaan dengan tugas kehakiman iaitu menyelesaikan persengketaan dan melakukan perbuatan yang ma`ruf dan mencegah daripada kemungkarannya (Ibn Farhun, 2003). Tugas kehakiman ini bukan mudah kerana kecelakaan diberikan kepada hakim yang gagal melaksanakan tugasannya sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW:

Daripada Ibn Buraydah dari bapanya, daripada Rasulullah SAW bersabda "hakim itu mempunyai tiga jenis, satu di syurga dan dua lagi di neraka, maka yang di dalam syurga adalah lelaki yang mengetahui kebenaran dan membuat penghakiman dengannya, manakala lelaki yang mengetahui kebenaran tetapi menyimpang dalam berhukum maka dia di neraka, dan lelaki yang mengadili manusia dengan kebodohan maka dia di neraka"

(Riwayat Abu Dawud)

Imam al-Ramli telah menyatakan bahawa hakim yang berada di syurga adalah yang mengetahui yang hak dan berhukum dengan perkara hak tersebut (al-Ramli al-Manufi, 2003). Selain daripada memutuskan penghakiman, hakim hendaklah memastikan hukuman dan perintah yang diputuskan tersebut dilaksanakan. Muhammad al-Zuhayli di dalam kitabnya al-Mu`tamad ada membincangkan berkenaan dengan konsep "*Tanfith al-Ahkam*" iaitu pelaksanaan penghakiman yang mana dinyatakan bahawa pelaksanaan penghakiman merupakan tujuan asas kepada kewujudan institusi kehakiman ini (Muhammad al-Zuhayli, 2011). Perkara ini juga telah ditunjuk ajar oleh Umar al-Khattab r.a. kepada Abu Musa al-Asy`ari r.a. melalui risalah berkenaan dengan prinsip-prinsip kehakiman. Kehakiman Islam jelas menekankan konsep penghakiman secara menyeluruh dari segi pengeluaran keputusan dan kepatuhan keputusan. Perkara ini juga diimplimentasi di Mahkamah Syariah di Malaysia pada hari ini untuk memastikan hak diberikan kepada orang yang sepatutnya melalui jalan perundangan dan kehakiman Syariah.

Penghakiman di Mahkamah Syariah dikeluarkan melalui prosiding dan prosedur yang ditetapkan melalui perundangan yang diwartakan. Penghakiman dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*). Enakmen/Ordinan/Akta utama yang digunakan adalah undang-undang pentadbiran, keluarga Islam, tatacara mal, jenayah Syariah, tatacara jenayah Syariah dan lain-lain. Penghakiman dibuat adalah sebagai tujuan utama kepada kewujudan institusi kehakiman Syariah di Malaysia. Penghakiman yang diputuskan oleh hakim akan dilaksanakan oleh pihak-pihak sebagaimana terma-terma yang terkandung dalam penghakiman tersebut. Kegagalan dan kecuaiannya melaksanakan penghakiman tersebut akan dikuatkuasakan melalui proses mahkamah sekali lagi untuk memastikan kepatuhan penghakiman tersebut. Metodologi Hakim Syarie dalam membuat penghakiman bagi kes induk dan kes penguatkuasaan adalah berpandukan kepada undang-undang, arahan amalan JKSM dan arahan amalan Ketua Hakim Syarie negeri-negeri.

Mekanisme Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak

Penguatkuasaan dan pelaksanaan sesuatu penghakiman adalah berpandukan kepada ketetapan undang-undang tatacara di sesebuah negeri. Penghakiman yang diputuskan hendaklah sah dan melalui prosiding kes induk yang dibuat di Mahkamah Syariah dan diputuskan oleh Hakim Syarie. Keputusan tersebut akan dimeterai dan dinamakan sebagai "Perintah Bersih" yang mana pihak-pihak hendaklah mematuhi segala keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara tersebut. Perintah mahkamah merupakan arahan rasmi daripada mahkamah yang memberikan

keputusan atau hukuman dari sesuatu perbicaraan atau permohonan oleh mana-mana pihak (Zaini Nasohah & Suwaid Tapah, 2001). Kegagalan melaksanakan perintah/penghakiman tersebut merupakan kesalahan menurut undang-undang dan boleh dikuatkuasakan sewajarnya. Oleh yang demikian, pihak yang mendapati bahawa terdapat pihak yang tidak mengikut penghakiman tersebut bolehlah mengemukakan permohonan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman tersebut. Mekanisme ini melalui prosiding dan tatacara mal yang ditetapkan di mahkamah (Jazilah Mohd. Saad et al., 2014). Pihak yang gagal melaksanakan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah akan dinamakan sebagai “penghutang penghakiman”. Penghutang Penghakiman adalah bermaksud pihak yang gagal atau cuai dalam menjelaskan tanggungjawab penghakiman yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Berkaitan Hak Wanita


Penghakiman yang melibatkan hak-hak wanita di Mahkamah Syariah sangat banyak iaitu hak perwalian, hak pernikahan, hak-hak dalam pernikahan, hak perceraian dan tuntutan-tuntutan selepas perceraian. Walau bagaimanapun hak wanita yang berkait dengan kewangan adalah kes nafkah isteri, nafkah eddah, nafkah anak dan mutaah. Bagi kes penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman di Mahkamah Syariah hak yang berkait dengan kewangan adalah perkara yang menjadi kebiasaan tuntutan yang dimohon di Mahkamah Syariah. Tuntutan tersebut adalah kerana kegagalan suami atau bekas suami melaksanakan penghakiman yang diputuskan dalam kes induk.

Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Berkaitan Hak Kanak-Kanak

Hak kanak-kanak yang biasa dimohon di Mahkamah Syariah adalah tuntutan nafkah anak dan Tuntutan Hak Jagaan anak. Pengabaian terhadap nafkah anak oleh bapa kepada anak tersebut merupakan satu penganiayaan kepada kanak-kanak tersebut. Secara perundangannya hak kanak-kanak hendaklah dimohon terlebih dahulu oleh penjaganya dan kebiasaannya adalah dituntut oleh Ibu kepada anak tersebut terutama selepas perceraian berlaku. Tuntutan ini merupakan kes induk nafkah anak. Sekiranya kegagalan melaksanakan kes induk ini oleh bapa atau kecuaiannya yang dilakukan oleh bapa, maka penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman tersebut akan dilakukan demi menjamin kebajikan anak tersebut.

Proses Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah Terhadap Perintah Yang Dimeterai

Proses penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah merupakan satu mekanisme tertentu berdasarkan kandungan perintah kes induk. Mekanisme ini melalui prosiding dan tatacara mal yang ditetapkan di mahkamah (Jazilah Mohd. Saad et al., 2014). Proses Penguatkuasaan ini hendaklah didahului oleh perintah kes induk dan perkara ini boleh dilihat melalui carta di bawah:



Gambarajah 1: Carta Penguatkuasaan Pelaksanaan Perintah Induk Nafkah Yang Dikeluarkan Mahkamah Syariah

Sumber: Abdul Karim & Zulzaidi (2020)

Carta ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan dan pelaksanaan sesuatu perintah akan berlaku sekiranya kegagalan pihak-pihak yang tertentu untuk melakukan sesuatu pelaksanaan atau pembayaran kepada pihak yang telah ditetapkan oleh mahkamah (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Proses penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman yang telah dimeterai kebiasaannya dilakukan melalui khidmat Peguam Syarie. Peguam yang biasa mengendalikan kes-kes yang melibatkan penguatkuasaan hak wanita adalah pihak Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Bahagian Sokongan Keluarga JKSM atau menggunakan khidmat Peguam Swasta. Bagi kes yang melibatkan nafkah isteri, nafkah eddah, mutaah dan nafkah anak, maka pihak yang teraniaya iaitu wanita atau ibu akan hadir membuat aduan kepada pihak Bahagian Sokongan Keluarga JKSM (Seksyen Negeri). BSK ini akan mengambil tindakan sebagaimana bidangtugas yang telah ditetapkan dan dikendalikan mengikut ketetapan undang-undang dan Garis panduan yang telah dibekalkan kepada kakitangan BSK JKSM untuk dipatuhi.

Pengenalan Bahagian Melalui Fungsi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) merupakan satu bahagian di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). BSK ditubuhkan bagi mengendalikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah isteri dan nafkah anak di Mahkamah Syariah negeri-negeri (Mohd Amir Arifin@Mohd Rifin, 2021). Permasalahan ini memberikan kesan dan tempias kepada Mahkamah Syariah dari segi pematuhan kepada perintah yang telah dikeluarkan melalui prosiding mahkamah (BSK JKSS, 2021). Memastikan satu tindakan yang lebih efektif dan proaktif diambil bagi menangani perkara ini maka, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke 46 pada 7 Jun 2007 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Dato' Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi memutuskan supaya JKSM mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu nafkah (Roslina Che Soh@Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Mohd. Na'im Mokhtar, 2017). Berasaskan kepada keputusan tersebut, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah diwujudkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sebagai langkah mengatasi permasalahan tersebut. Penubuhan dan Pelancaran BSK JKSM ditubuhkan secara rasminya pada 22 Oktober 2008 oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di JKSM (BSK JKSS, 2021).

Fungsi dan Peranan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Negeri Sarawak)

BSK JKSM telah mewujudkan enam (6) waran perjawatan bagi setiap negeri yang ditempatkan di Jabatan kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri. Penempatan kakitangan ini tidak terkecuali ditempatkan di Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (JKSS) yang berpusat di bangunan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Sarawak di Kuching (BSK JKSS, 2021). Perjawatan tersebut adalah perjawatan daripada JKSM yang ditempatkan di negeri yang mana segala urusan pentadbiran, pengurusan dan pembayaran gaji adalah diuruskan oleh JKSM di Putrajaya (Mohd Sufi, 2021). Maklumat Pengurusan BSK JKSM di Sarawak adalah sebagaimana jadual dibawah:

Jadual 1: Maklumat Pelaksanaan Tugas BSK JKSM (Sarawak)

Bil	Perkara	Maklumat
1	Kakitangan BSK JKSM (Seksyen Negeri Sarawak)	6 orang
2	Jumlah Bahagian di Sarawak	11 Bahagian
3	Pengangkutan menjalankan tugas di Bahagian Sarawak (prosiding kes, program literasi maklumat)	Kapal Terbang Twin Otter Pacuan 4 roda JKSS Kenderaan kereta JKSS Feri Sungai Boat Express
4	Keluasan Geografi Sarawak	124,450 km persegi atau 37.7% keluasan Malaysia

Sumber: Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa dengan jumlah kakitangan seramai 6 orang ini maka ianya adalah sangat sedikit berbanding dengan keluasan geografi Sarawak yang sangat luas. Perkara ini sewajarnya diambil perhatian oleh pihak JKSM terutamanya bagi menambah kapasiti pegawai dan kakitangan bagi proses pelaksanaan tanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Syariah (Mohd Sufi, 2021). Pada menjalankan tugas BSK terhadap hak wanita maka tiga unit utama diwujudkan untuk memudahkan urusan pengurusan secara terutur dan terancang (Abdul Karim & Zulzaidi, 2020). Unit yang tersebut adalah Unit Khidmat Nasihat Perundangan (UKNP), Unit Pengurusan Dana (UPD) dan Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah (UPPP) (Roslina Che Soh@Yusoff et al., 2017). UPPP bertindak menguruskan proses guaman Syarie yang akan dikendalikan oleh Pegawai BSK yang berkelayakan untuk mengendalikan kes di peringkat Mahkamah Syariah (Mohd Sufi, 2021). Peranan UPD adalah menyiasat dan menilai latarbelakang pihak pemohon iaitu pemiutang penghakiman atau pihak yang berkepentingan sebagaimana ketetapan syarat Jawatankuasa Akaun Amanah BSK JKSM di negeri (Enelda Nurizzati, 2021).

Perbincangan dan Analisis Penyelidikan

Penyelidikan mendapati bahawa BSK JKSM merupakan satu bahagian yang penting dan amat membantu wanita dan kanak-kanak. BSK ini mengendalikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah isteri dan nafkah anak di Mahkamah Syariah negeri-negeri (Mohd Amir Arifin@Mohd Rifin, 2021). Melihat kepada fungsi dan peranan yang dimainkan

oleh bahagian ini, maka jelas menunjukkan penghakiman Mahkamah Syariah yang diputuskan hendaklah dipatuhi dan dikuatkuasakan sekiranya kegagalan pelaksanaan perintah tersebut. Tuntutan berkenaan hak-hak wanita dan hak kanak-kanak melalui proses perundangan di Mahkamah Syariah merupakan satu keperluan masa kini. Hal ini adalah kerana suami atau bapa tidak memainkan peranan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut pemberian nafkah tersebut. Penyelidikan merujuk kepada statistik kes yang di daftarkan di unit UPPP BSK JKSM yang menunjukkan sebagaimana berikut:

Jadual 2: Jumlah Kes Yang Telah Didaftarkan Di UPPP

Bil.	Tahun	Jumlah kes yang telah didaftarkan di UPPP
1	2009	-
2	2010	74
3	2011	31
4	2012	37
5	2013	33
6	2014	37
7	2015	34
8	2016	22
9	2017	39
10	2018	44
11	2019	43
12	2020	19 (sehingga Oktober 2020)
JUMLAH		413

Sumber: Laporan Tahunan UPPP BSK JKSS

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah kes yang didaftarkan di UPPP BSK JKSM (Seksyen Sarawak) dalam tempoh 10 tahun adalah mencecah 413 kes. Majoriti yang mendaftarkan kes di peringkat UPPP adalah wanita dan berkait dengan nafakah anak, nafkah eddah, nafkah isteri dan mutaah. Hak-hak ini adalah berkait dengan hak kewangan yang memerlukan kepada sikap tanggungjawab pihak suami atau bapa demi kebajikan anak. Penghakiman yang diputuskan oleh mahkamah, akan diuruskan oleh UPPP dengan pengendalian kes di Mahkamah Syariah melalui peguam Syarie. Tauliah Peguam Syarie penting untuk memudahkan perjalanan prosiding kes yang melibatkan pelaksanaan penguatkuasaan perintah nafkah yang tertunggak (Roslina Che Soh@Yusoff et al., 2017).

Pada awal penubuhan BSK JKSM (Seksyen Sarawak) pada tahun 2009 maka tiada Pegawai Syariah BSK yang ditauliahkan sebagai Peguam Syariah. Walau bagaimanapun pada tahun 2012 seorang Pegawai Syariah (Penolong Pengarah LS41) ditauliah dengan tauliah Peguam Syarie dan mengendalikan kes di seluruh bahagian negeri Sarawak (Mohd Sufi, 2021). Pada tahun 2019 BSK JKSM (Seksyen Sarawak) telah dengan membuat permohonan kepada Jawatankuasa Peguam Syarie untuk menambah bilangan Peguam Syarie BSK JKSM Seksyen Sarawak). Maka pada tahun 2020, terdapat 4 orang Peguam Syarie BSK JKSM (Seksyen Sarawak) yang mengendalikan kes. Pandemik covid-19 di Sarawak menyebabkan terdapat kes-kes yang terpaksa ditangguhkan dan Guaman Syarie di BSK terpaksa ditangguhkan atas factor ini. Walau bagaimanapun bagi kes-kes BSK JKSM (Seksyen Sarawak) di Mahkamah Syariah Kuching, sama ada di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah

adalah dikendalikan berdasarkan ketetapan tarikh oleh Mahkamah Syariah (Mohd Sufi, 2021). Pengendalian kes ini menunjukkan bahawa BSK JKSM (Seksyen Sarawak) komited menguatkuasakan penghakiman Mahkamah Syariah demi menjaga kebajikan wanita dan kanak-kanak yang teraniaya. Hal ini jelas menunjukkan keperluan dan kewajaran fungsi bahagian ini. Penubuhan BSK memberikan kesan yang besar untuk menambah baik pengurusan nafkah di Malaysia (Roslina Che Soh@Yusoff et al., 2017).

Perbincangan penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa mekanisme yang dilakukan oleh BSK JKSM (Seksyen Sarawak) melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan terhadap hak wanita dan hak kanak-kanak merupakan perkara yang tepat dan wajar. Saluran undang-undang adalah digunakan secara tepat melalui tatacara Mal Mahkamah Syariah. Proses Saman Penghutang Penghakiman dan Notis Penghakiman merupakan mekanisme yang wajar untuk memastikan pihak bapa atau suami melaksanakan kewajipan tersebut.

Pengabaian, kecuaiian dan keingkaran dalam melaksanakan penghakiman Mahkamah Syariah dimeterai adalah merupakan satu kesalahan menurut undang-undang. Perbuatan tidak melaksanakan tanggungjawab memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak juga merupakan satu perkara mungkar di sisi perundangan Islam. Penyelidikan mencadangkan pemerkasaan bahagian ini dilakukan secara holistik dengan keperluan penambahan kakitangan secara kompeten berdasarkan faktor geografi di Sarawak. Sewajarnya setiap bahagian di Sarawak mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan BSK atau satu unit kecil ditempatkan di zon dan bahagian yang besar seperti Miri dan Sibu. Penyelidikan juga mencadangkan agar gerak kerja bahagian ini dilaksanakan secara optimum terutama literasi maklumat kepada wanita berkenaan hak wanita dan kanak-kanak melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Syariah. Masyarakat juga perlu ada kesedaran untuk mendalami dan mempelajari ilmu berkenaan perkahwinan, perceraian dan rujuk untuk memantapkan pemahaman mereka (Raihanah & Zulzaidi, 2010)

Kesimpulan

Penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Syariah merupakan perkara yang penting untuk dilakukan bagi memastikan perintah mahkamah dipatuhi. Proses ini merupakan proses pasca perintah induk yang memastikan penguatkuasaan dilakukan melalui saluran. BSK JKSM (Seksyen Sarawak) merupakan bahagian yang signifikan dan perlu diberikan perhatian oleh Mahkamah Syariah secara menyeluruh. Penyelidikan mendapati bahawa kewujudan bahagian ini merupakan satu keperluan wajar bagi membantu wanita dan kanak-kanak yang teraniaya menurut perspektif undang-undang. Hak wanita dan kanak-kanak terutama dari aspek kewangan perlu diberi keutamaan bagi memastikan kebajikan dan kelangsungan hidup wanita dan kanak-kanak. Institusi kehakiman Syariah di Malaysia tidak hanya menjalankan fungsi mengeluarkan penghakiman kes induk, tetapi mengeluarkan penghakiman bagi kes penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman bagi memastikan perintah yang dikeluarkan dipatuhi secara maksima dan berpelembagaan.

Rujukan

- Abdul Karim Mohd Nuli & Zulzaidi bin Mahmud. (2020). Mekanisme Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Hak Wanita Melalui Fungsi Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak, *Kertas Kerja Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak*. November (2020): 1-16.
- Abi al-Hasan `Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Basri. (1994). *al-Hawi al-Kabir fi al-Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi`i*, j. 16. Beirut: Dar al-Kutub al-`ilmiyyah.
- Abi Dawud. (1424H). *Sunan Abi Dawud, "Kitab al-Qada`, Bab fi al-Qadi Yukhti"*, no. hadith 3573. Riyadh: Maktabah al-Ma`arif li al-Nashr wa al-Tawzi`.
- al-Imam Abi Zakariyya Mahy al-Din bin Sharf al-Nawawi. (t.t). *Kitab al-Majmu` Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*, j. 22. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- BSK JKSS (2021), *Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak*. Sarawak: JKSS.
- Enelda Nurizzati Riman. (2021). (Penolong Akauntan, Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak)), Temubual, 23 April 2021.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (2004). *al-Mughni*. J. 1. Lubnan: Bayt al-Afkar al-Dauliyyah. Jabatan Perangkaan Malaysia. Portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Di akses pada 19 Jun 2020.
- Jazilah Mohd Saad @ Mat Saud. (2013). *Mechanism of Enforcement and Execution of Muslim Maintenance Order: Court Based System*, *Jurnal Islamiyyat*, Jil. 35(2): 89-100.
- Jazilah Mohd. Saad @ Mat Saud, Afridah Abbas, Noraini Hashim & Saodah Wok. (2014). *Mechanism Of Enforcement and Execution of Muslim Maintenance Order: Court-Based System*, *IJUM Law Journal*, Jil. 21(2): 183-208.
- Laporan Tahunan Unit Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah UPPP Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
- Mohd Amir Arifin@Mohd Rifin. (2021). Fungsi Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Menurut Maqasid al-Shari`ah: Keberkesanannya di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah, dalam Nasimah Hussin et al., (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*. Malaysia: JKSM & UIAM. 327-352.
- Mohd Sufi Mohd Rani. (2021). (Penolong Pengarah, Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak)). Temubual, 23 April 2021.
- Muhammad al-Zuhayli. (2011). *al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Shafi`i*, j. 5. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib. (2020). Isu Tunggakan Nafkah: Keperluan Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwafaqat*, 3(1): 38-51.
- Raihanah Abdullah & Zulzaidi Mahmud. (2010). Rujuk: Peruntukan Undang-Undang Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 18(1): 25-52.
- Roslina Che Soh@Yusoff, Nurhidayah Muhammad Hashim & Mohd. Na'im Mokhtar. (2017). Bahagian Sokongan Keluarga Membantu Anak Selepas Perceraian: Keberkesanan, Cabaran dan Perbandingan Dengan Amalan Negara Maju. *KANUN* 29 (2): 60-89.
- Shams al-Din Muhammad Abi al-`Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shihab al-Din al-Ramli al-Manufi. (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj fi al-Fiqh `ala Madhhab al-Imam Shafi`i*, j. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-`ilmiyyah.
- Web Sarawak Government, Sarawak Population. Di akses pada 19 Jun 2020.

- Zaini Nasohah & Suwaid Tapah. (2001). Analisis Pelaksanaan Prosiding Saman Penghutang Penghakiman dalam Penguatkuasaan Perintah Pembayaran Nafkah: Kajian Kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor, *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 15: 43-52.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang. (2021). Wakalah Peguam Syarie Terhadap Permohonan Status Pengesahan Agama Di Negeri Sarawak Berdasarkan Pendekatan Maqasid Al-Syariah, dalam Nasimah Hussin et al., (eds.) dalam *Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia: Teori Amalan dan Pelaksanaan*. Malaysia: JKSM & UIAM. 453-383.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang. (2016). Kehakiman Dan Penghakiman Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Sorotan, *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*, 1(2):201-212.